

**TERMA DAN SYARAT**  
**KEMPEN GANJARAN KESETIAAN SSPN-i 2021**

**KEMPEN**

1. PTPTN sentiasa menghargai pendeposit yang kekal setia dengan produk SSPN. Dengan itu, pada tahun ini, sekali lagi PTPTN menawarkan **Ganjaran Kesetiaan SSPN-i**, iaitu ganjaran tambahan yang diberikan kepada pendeposit yang setia sebagai tanda penghargaan.
2. Berbeza dengan dividen, **Ganjaran Kesetiaan SSPN-i** diberikan atas simpanan tahun semasa yang dibuat dalam tempoh kempen.

**TEMPOH KEMPEN**

3. Tempoh kempen bermula **24 Februari 2021 sehingga 30 April 2021**.
4. PTPTN mempunyai hak mutlak menukar atau meminda tempoh kempen ini sekiranya perlu tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu.

**KELAYAKAN**

5. Terbuka kepada pendeposit yang **membuka akaun SSPN-i sebelum tahun 2018** (“akaun yang layak”).
6. Membuat penambahan simpanan terkumpul **sekurang-kurangnya RM500 pada akaun yang layak (tidak termasuk dividen tahun semasa)** tanpa ada pengeluaran daripada mana-mana akaun di bawah pendeposit yang sama dalam tempoh kempen.
7. Sekiranya berlaku kematian pendeposit dalam tempoh kempen, akaun itu masih layak untuk menerima Ganjaran Kesetiaan sekiranya memenuhi terma dan syarat.

**PEMBERIAN GANJARAN KESETIAAN**

8. Setiap akaun yang memenuhi syarat kelayakan akan menerima Ganjaran Kesetiaan sebanyak **1% atas simpanan yang dibuat dalam tempoh kempen**.
9. Jumlah maksimum Ganjaran Kesetiaan yang akan dikreditkan ke dalam akaun yang layak adalah RM8,000 untuk setiap akaun, tertakluk kepada jumlah sebenar simpanan yang dibuat.
10. Pendeposit **tidak dibenarkan untuk membuat pengeluaran simpanan daripada akaun yang layak sehingga 30 Jun 2021**.
11. Pemberian Ganjaran Kesetiaan ini adalah secara automatik dan akan dikreditkan ke dalam akaun yang layak pada bulan Julai 2021.

12. Ganjaran Kesetiaan tidak boleh ditukar atau dipindah milik sama ada sebahagian atau keseluruhannya dalam bentuk lain atau kepada mana-mana akaun SSPN-i pendeposit yang lain selain yang ditetapkan oleh PTPTN.
13. Keputusan penerima Ganjaran Kesetiaan oleh PTPTN adalah muktamad. Sebarang surat menyurat, pertanyaan, rayuan, bantahan atau apa-apa cubaan untuk mempertikaikan keputusan adalah tidak akan dilayan.
14. Penerima Ganjaran Kesetiaan boleh dihubungi pada bila-bila masa yang dianggap wajar oleh PTPTN, melalui e-mel atau apa-apa cara komunikasi lain yang difikirkan sesuai oleh PTPTN.

### **PERUNTUKAN UMUM**

15. Sebagai pendeposit yang mempunyai akaun aktif, pendeposit dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju dengan terma dan syarat yang ditetapkan dan membenarkan butiran peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi untuk digunakan bagi tujuan promosi;
16. PTPTN berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat di dalam kempen ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian tanpa notis terlebih dahulu. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi pernyataan seperti mana yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan yang berkaitan dengannya;
17. PTPTN berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan kempen ini dengan atau tanpa notis terlebih dahulu dan / atau tanpa memberikan apa-apa sebab kepada mana-mana pendeposit. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan kempen ini oleh PTPTN tidak akan memberi hak kepada mana-mana pendeposit untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap PTPTN ke atas apa-apa dan / atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut;
18. PTPTN tidak bertanggungjawab ke atas penghantaran penyertaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tidak diserahkan, ditangguhkan, rosak atau salah arah sama ada disebabkan kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau sebaliknya;
19. PTPTN berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis, sekiranya didapati pendeposit tidak layak dan tidak mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan;
20. Penyertaan pendeposit dalam kempen ini adalah atas risiko pendeposit sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan tersebut;
21. Sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN berhubung kempen ini adalah muktamad. PTPTN tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat;

22. PTPTN boleh menggunakan penyertaan pendeposit termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi (secara kolektif dinamakan “Bahan”), dan nama pendeposit, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana- mana barangan atau perkhidmatan PTPTN, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Pendeposit hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh PTPTN;
23. Segala surat-menyurat yang dihantar ke alamat terakhir mengikut rekod PTPTN adalah dianggap telah diserap kepada pendeposit.

*Maklumat dikemaskini pada 23 Februari 2021*